

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RAE 341 - Sejarah Seni Bina I

Tarikh: 16 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 Jam)


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. "Seni bina adalah sintesis seni dan teknologi, telah meng-ujudkan berbagai bentuk yang diperolehi daripada kehendak-kehendak serta kemahiran-kemahiran pembina dan tidak ketinggalan juga, bahan yang diperolehi dengan mudah".

Berdasarkan kepada bentuk, fungsi, teknologi, seni dan masyarakat, bincangkan dengan ringkas perubahan-perubahan utama di dalam teknik pembinaan dan bentuk-bentuk bangunan dari turun-temurun (setakat abad kelapan belas).


(100 markah)



2. "MANUSIA GENTAR KEPADA MASA DAN
MASA GENTAR KEPADA PIRAMID"

"Piramid serta kuil berdiri indah dan teguh tidak
menghiraukan masa. Ciptaan dan rekabentuk piramid
dan kuil amat mengkagumkan". Bincangkan.

(100 markah)




3. Orang Yunani boleh dikatakan sederhana dan berpatutan dengan konsep penghidupan yang selesa, sementara orang Rome berpraktikal, teratur dan mempunyai cita-cita yang tinggi.

Perbezaan asas tentang pendapat agama dan penghidupan di antara orang Yunani dan orang Rome dapat digambarkan di dalam pengaturan dan rekaan bangunan.

Bincangkan.

(100 markah)




204
1972

...5/-

4. Beza dan bandingkan dengan lakaran-lakaran, kecepatan dan kelapangan ruang bangunan orang "Byzantine" dengan bandingan dimensi dan keadaan terus menerus 'spatial' bangunan orang Gothic.

(100 markah)




208
209

5. "Kematian tuhan-tuhan dan zaman kepercayaan adalah permulaan seni bina Romanesque, yang berkaitan dengan ruang-ruang dan metrik".


Ini telah diikuti dengan undang-undang dan ukuran-ukuran bentuk-bentuk awal zaman peralihan, yang selanjutnya telah ditafsirkan sebagai pergerakan tembus-menembus bangunan-bangunan Baroque dan Rococco. Bincangkan.

(100 markah)



6. Seni Bina moden selepas tahun 60 an telah mengujudkan berbagai gaya yang tersendiri tanpa satu arah yang tertentu. Apakah yang telah menyebabkan corak seni bina moden ini dan ke arah manakah seni bina moden sedang menuju? Tinjaukan.

(100 markah)



7. Pilih empat (4)

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan "The Order" - seni bina orang Yunani? Orang Rome telah membuat tambahan kepada "Greek Order". Bincangkan.
- b) Nyatakan jenis-jenis pembinaan orang Rome.
- c) Nyatakan jenis-jenis bangunan orang Rome.
- d) Nyatakan jenis-jenis bangunan orang Yunani.
- e) Lakarkan serta bincangkan konsep pembahagian ruang "Thermae".
- f) Dengan bantuan lakaran, bincangkan:-
 - (i) 'LANTERN'
 - (ii) 'PENDENTIVE'
 - (iii) 'VAULTS'
 - (iv) 'PYLON'
 - (v) 'FLYING BUTTRESS'

(100 markah)